

KERTAS LATIHAN PEPERIKSAAN 7

Nama : _____

Darjah : _____

Tarikh : _____

Masa: 1 jam 40 min

Markah
90

BAHAGIAN A IMBUHAN (10 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

- | | |
|---|---|
| <p>Pernakah kamu mendengar nama</p> <p>Alexander Graham Bell? Beliau adalah</p> <p>(1) _____ telefon. Kejayaan beliau</p> <p>(2) _____ kita menghubungi orang</p> <p>lain dengan mudah.</p> <p>Graham Bell (3) _____ di</p> <p>Scotland pada tahun 1847. Sejak kecil lagi,</p> <p>Graham Bell (4) _____ sifat ingin</p> | <p>1. (1) dicipta
(2) mencipta
(3) pencipta
(4) tercipta ()</p> <p>2. (1) dibolehkan
(2) kebolehan
(3) membolehkan
(4) seboleh ()</p> <p>3. (1) dilahirkan
(2) kelahiran
(3) melahir
(4) terlahir ()</p> <p>4. (1) berpunya
(2) dipunyai
(3) kepunyaan
(4) mempunyai ()</p> |
|---|---|

tahu. Graham Bell (5)_____ mencipta

sesuatu (6)_____ dengan komunikasi

kerana ibunya. Ibunya telah (7)_____

deria pendengaran sewaktu Graham Bell

berusia 12 tahun.

Semenjak itu, Graham Bell mempelajari

dan (8)_____ tentang bunyi dan

komunikasi. Akhirnya, semasa berusia

29 tahun, beliau (9)_____ mencipta

telefon. Disebabkan minatnya untuk menolong

orang yang tidak dapat mendengar, Graham

Bell (10)_____ jodoh dengan seorang

gadis yang pekak.

Semangat mencipta Alexander Graham

Bell haruslah kita hargai kerana sumbangan

beliau amat besar kepada masyarakat masa

kini.

5. (1) dorongan
(2) mendorong
(3) pendorong
(4) terdorong ()

6. (1) berkaitan
(2) dikaitkan
(3) mengait
(4) terkait ()

7. (1) dihilangkan
(2) hilangkan
(3) kehilangan
(4) menghilangkan ()

8. (1) dikaji
(2) kajian
(3) mengkaji
(4) pengkaji ()

9. (1) berjaya
(2) dijayakan
(3) jayakan
(4) kejayaan ()

10. (1) bertemu
(2) ditemu
(3) menemukan
(4) penemuan ()

BAHAGIAN B PERIBAHASA (5 × 2 markah)

Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Hari itu hari terakhir untuk tahun 2015.

Semua kelas disuruh mengemas bilik darjah.

Kelas 5B memang terkenal dengan sifat

(11) bagai aur dengan tebing. Sifat ini

menyebabkan mereka selalu memenangi

perlawanan antara kelas. Mereka juga sering

(12) memberi perhatian terhadap satu sama

lain. Jika salah seorang rakan sekelas mereka

menghadapi masalah, mereka pasti akan

saling membantu.

Namun, pada awal tahun, keadaan kelas

5B tidak seperti itu. Mereka (13) seperti anjing

dengan kucing. Kelas itu tidak pernah aman.

Guru kelas mereka, Puan Lakshmi terpaksa

(14) berusaha mengatasi masalah itu. Dia

mengadakan satu aktiviti kerja sama yang

akhirnya membuka mata murid-murid. Puan

Lakshmi juga memberi nasihat kepada mereka.

11. (1) saling berdamai
(2) saling bersubahat
(3) saling berlumba-lumba
(4) saling bergotong-royong
()

12. (1) ambil hati
(2) ambil berat
(3) lepas tangan
(4) campur tangan ()

13. (1) sering bergelut
(2) sering berbahas
(3) sering bertumbuk
(4) sering bertengkar
()

14. (1) cari jalan
(2) jalan tengah
(3) ringan tulang
(4) banting tulang ()

Mujurlah (15) nasihat tersebut dapat meresap ke dalam jiwa murid-murid itu.

Puan Lakshmi sangat berbangga dengan anak-anak muridnya itu.

15. (1) seperti garam jatuh ke air
(2) bagai tikus membaiki labu
(3) seperti kacang lupakan kulit
(4) bagai menghitung bulu kambing ()

BAHAGIAN C GOLONGAN KATA (5 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Beg kulit sangat digemari penggemar-penggemar beg. Antara kulit binatang yang

dibuat beg kulit adalah kulit ular dan buaya.

Di Singapura, (16)_____ juga tempat

membuat beg kulit. Di kebun ternakan buaya

yang terletak di Kranji, kamu boleh melihat

buaya-buaya yang (17)_____ khas

untuk kulitnya.

16. (1) terlihat
(2) terjumpa
(3) terdapat
(4) terjadi ()

17. (1) ditenak
(2) dibuat
(3) dijaga
(4) dilahirkan ()

(18)_____ ke kebun ini akan dapat melihat dan memberi makanan kepada buaya-buaya ini. Buaya-buaya ini dijaga dengan baik dan diberi makanan yang	18. (1) Pemandang-pemandang (2) Pemerhati-pemerhati (3) Pelawat-pelawat (4) Penternak-penternak ()
(19)_____. Setelah buaya-buaya tersebut mati, kulit buaya tersebut akan diambil dan dibuat beg, kasut dan pelbagai perhiasan lain.	19. (1) sihat (2) cukup (3) banyak (4) berkhasiat ()
(20)_____ seseorang ingin melawat kebun ternakan buaya ini, dia boleh menaiki bas nombor 925 ke sana. Lawatan ke kebun ternakan buaya ini pasti menyeronokkan!	20. (1) Bila (2) Sedang (3) Untuk (4) Jika ()

BAHAGIAN D KEFAHAMAN 1 (5 × 2 markah)

Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Pada pagi itu, Neeta ke pusat membeli-belah untuk mendapatkan hadiah ulang tahun untuk sepupunya, Linda. Linda sebaya dengannya dan mereka sangat rapat. Mereka sering bersembang di kafe di pusat membeli-belah itu pada hujung minggu. Neeta sudah pun membuat keputusan mengenai apa yang harus dibelinya—sebuah jam tangan yang diidamkan Linda.

Setelah membeli jam yang Neeta rasa Linda minati, Neeta berjalan-jalan di sebuah kedai menjual barang menghias diri. Neeta ingin membeli klip rambut untuk dirinya. Semasa dia sedang melihat-lihat klip di situ, tiba-tiba dia ternampak seorang remaja perempuan berpakaian seragam sekolah berkelakuan mencurigakan. Remaja itu membelek-belek klip dan getah rambut sambil melihat ke kiri dan ke kanan. Kerap kali dia mengesat **peluh** di dahinya. Neeta cuba mengalih pandangannya tetapi dia ingin tahu apa yang hendak dilakukan remaja itu. Neeta memerhatikan remaja itu melalui cermin pengawasan yang ada. Remaja itu memasukkan beberapa klip dan getah rambut yang kecil ke dalam beg sekolahnya. Neeta terkejut melihat perkara itu berlaku di hadapan matanya sendiri. Neeta menoleh ke arah jurujual dan juruwang di situ. Kedua-duanya sedang sibuk melayan pelanggan-pelanggan lain.

Perlahan-lahan, remaja itu keluar dari kedai tersebut. Neeta memberitahu jurujual yang ada di situ tentang apa yang baru sahaja berlaku. Jurujual itu pun mengekori remaja itu. Remaja itu terkejut apabila bahunya ditepuk oleh jurujual itu. Jurujual itu mengajaknya kembali ke kedai. Dia tidak mahu memalukan remaja itu di khalayak ramai. Remaja itu mula berpeluh tetapi dia tidak cuba melarikan diri. Dia mengikut sahaja arahan jurujual itu.

Sebelum beredar, jurujual itu mengucapkan terima kasih kepada Neeta. Neeta menganggukkan kepalanya. Dia hanya menjalankan kewajipannya sahaja.

Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21. Neeta ke pusat membeli-belah untuk _____.
- (1) bersembang di kafe
 - (2) membuat keputusan
 - (3) membeli hadiah hari jadi
 - (4) bertemu dengan sepupunya ()
22. Neeta mengesyaki remaja itu kerana remaja itu _____.
- (1) mengelap peluhnya
 - (2) sedang menghias diri
 - (3) memakai pakaian seragam sekolah
 - (4) sering menoleh ke kiri dan kanan ()
23. Neeta telah melakukan kewajibannya sebagai seorang rakyat yang _____.
- (1) jujur
 - (2) mulia
 - (3) berkebolehan
 - (4) bertanggungjawab ()
24. Perkataan **peluh** dalam petikan bermaksud _____.
- (1) kedut
 - (2) kepala
 - (3) kelibat
 - (4) keringat ()
25. Remaja itu berjaya keluar dari kedai itu tanpa ditahan kerana _____.
- (1) Neeta tidak perasan yang dia hendak keluar dari kedai itu
 - (2) pekerja di kedai itu sedang sibuk dengan tugas mereka
 - (3) remaja itu berlari dengan pantas
 - (4) Neeta tidak mahu memalukan remaja itu ()

BAHAGIAN E FRASA (4 × 2 markah)

Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) sangat rajin belajar
- (2) tahniah kami ucapkan
- (3) sedang berada di Amerika
- (4) meminati mata pelajaran Sains
- (5) selamat ulang tahun kepada adik saya
- (6) sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Nanyang

DJ Asyik: Baiklah, Puan Mas. Anda ingin tujukan lagu ini kepada siapa?

Puan Mas: Saya ingin mengucapkan (26)_____. Hari ini, dia meraikan hari jadinya yang kedua puluh tiga.

DJ Asyik: Oh, siapakah nama adik Puan Mas?

Puan Mas: Namanya Siti. Dia sekarang (27)_____. Tahun hadapan, setelah tamat pengajian, dia akan berhijrah ke Amerika untuk bertugas sebagai seorang pengkaji Sains.

DJ Asyik: Wah, (28)_____! Kami turut gembira mendengar berita ini. Sudah pasti Puan Mas sekeluarga bangga dengan kejayaan adik Puan Mas, ya?

Puan Mas: Sudah tentu! Sejak kecil lagi dia memang (29)_____. Dia sering mendapat markah yang tinggi dalam mata pelajaran itu. Kami sekeluarga memang berbesar hati. Terima kasih, DJ Asyik!

DJ Asyik: Terima kasih kerana menelefon kami, Puan Mas.

BAHAGIAN F KEFAHAMAN 2 (32 markah)

Teliti brosur yang berikut.

Deli Lazat Kafe pencuci mulut kegemaran anda!

Menu istimewa sepanjang hari

- Spageti
- Roti pastri dengan inti pilihan anda (Tuna/Daging/Telur/Sayur)
- Roti bakar (Dengan kaya dan mentega)
- Piza
- Kopi/Teh/Milo panas
- Kopi/Teh/Coklat/Milo berais
- Kek keju pelbagai perisa
- Aiskrim/Kek aiskrim (Coklat/Vanila/Mangga/Strawberi/Pudina/Cip Coklat)

KANAK-KANAK!

Hias sendiri kek cawan dan biskut mengikut citarasa anda!

Pilih taburan dan hiasan kesukaan anda ...

- Taburan coklat/pelangi
 - Ceri (percuma)
- Aising (12 warna untuk dipilih)
 - Patung hiasan

... dan banyak lagi ...

Kunjungi cawangan-cawangan kami yang berdekatan rumah anda di ...
Wisma Hijau / Gedung Jasmin / Pusat Membeli-belah Hong Kah

PROMOSI MAJLIS ISTIMEWA

Kami turut mengambil tempahan kek/kek cawan/kek keju untuk majlis perkahwinan, pertunangan, hari jadi dan sebagainya. Telefon talian 67009090 untuk pertanyaan atau tempahan.

Berdasarkan brosur di halaman 9, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

30. Iklan ini adalah iklan _____. (2 markah)
 (1) Deli Lazat
 (2) Wisma Hijau
 (3) Gedung Jasmin
 (4) Pusat Membeli-belah Hong Kah ()
31. Pelanggan boleh memilih inti-inti di bawah ini untuk roti pastri kecuali _____. (2 markah)
 (1) tuna (2) telur
 (3) daging (4) pudina ()
32. Kanak-kanak tertarik untuk pergi ke kedai ini kerana _____. (2 markah)
 (1) mereka dapat makan secara percuma
 (2) menu istimewa tersedia sepanjang hari
 (3) mereka dapat menghias kek cawan sendiri
 (4) kedai ini berdekatan dengan rumah mereka ()
33. Pencuci mulut di bawah ini boleh ditempah untuk majlis-majlis istimewa kecuali _____. (2 markah)
 (1) kek (2) kek keju
 (3) kek cawan (4) kek aiskrim ()
34. Kamu dan kawan kamu sedang membuat rancangan untuk menyambut hari jadi kawan kamu berdua pada minggu hadapan. Kamu ingin meraikannya bertiga di Deli Lazat. Kemukakan dua kelebihan yang ada di Deli Lazat yang dapat meyakinkan kawan kamu itu untuk bersetuju dengan cadangan kamu. Gunakan informasi yang terdapat di dalam brosur di halaman 9 untuk meyakinkan kawan kamu dalam pesanan ringkas kamu. (4 markah)
 Adnan, apa kata kita sambut hari jadi Kamil di Deli Lazat? Salah satu cawangannya berdekatan dengan rumahnya di Hong Kah. Lagi pun,

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

"Beta tidak akan serahkan anak beta kepada kamu! Ambillah segala harta di negeri beta sebagai ganti. Jangan ambil anak beta!" rayu Permaisuri Bella.

"Patik tidak perlukan harta, Permaisuri. Patik hanya mahukan anak itu seperti yang telah Permaisuri janjikan dua tahun yang lalu. Sudahkah Permaisuri lupa perjanjian kita?" kata orang kerdil itu. Sebenarnya, Permaisuri Bella tidak lupa tentang janjinya itu. Pada waktu itu, dia terdesak. Ayahnya telah memberitahu Raja bahawa dia boleh memintal benang biasa dan menjadikannya benang emas. Dia telah dipaksa memintal benang yang memenuhi bilik simpanan istana. Jika dia gagal, Raja pada waktu itu akan menghukumnya. Namun, jika sebaliknya, dia akan dikahwinkan dengan Putera Raja.

Orang kerdil itu telah membantunya memintal semua benang dalam masa satu malam sahaja. Akhirnya, Bella telah dikahwinkan dengan Putera Raja dan kemudian ditabalkan menjadi Permaisuri. Jasa orang kerdil itu akan dibalas oleh Permaisuri Bella. Namun, setelah kelahiran anaknya itu, Permaisuri Bella tidak sanggup berpisah dengan bayinya itu. Dia menangis sekuat-kuatnya. Orang kerdil itu pun berkata, "Baiklah, Permaisuri. Patik akan kembali dalam masa tiga hari. Sekiranya Permaisuri dapat meneka nama patik, patik akan lupakan perjanjian lama kita. Jika tidak, Permaisuri harus menyerahkan anak itu!" Orang kerdil itu ketawa terbahak-bahak lalu menghilangkan diri.

Permaisuri Bella lega mendengar saranan orang kerdil itu. Namun, dia menghadapi masalah yang baharu. Permaisuri mengarahkan pengawal dan dayang istana mencari nama-nama yang pelik dari seluruh negeri. Malam sebelum hari ketiga, salah seorang pengawalnya terdengar seorang lelaki kerdil menyanyi. Dalam nyanyiannya, orang kerdil itu mengejek Permaisuri Bella. Dia juga telah menyebut namanya sendiri dalam nyanyiannya itu. Pengawal itu tersenyum lebar. "Permaisuri pasti gembira mendengar berita ini!" kata pengawal itu.

Adaptasi cerita Rumpelstiltskin oleh Adik-Beradik Grimm

Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

35. Apakah yang ingin Permaisuri beri kepada orang kerdil itu sebagai ganti? (2 markah)

36. Bilakah janji itu dibuat? (2 markah)

37. Ayah Bella telah menipu Raja. Jelaskan. (4 markah)

38. Orang kerdil itu yakin yang dia akan mendapat bayi itu selepas tiga hari. Berikan **dua** bukti. (4 markah)

39. "Permaisuri pasti gembira mendengar berita ini!" Jelaskan sebab pengawal itu berkata demikian. (4 markah)

40. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 11, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) kerdil (1 markah)

(ii) gagal (1 markah)

(b) Terdapat perkataan dalam petikan di halaman 11 yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(i) membuat andaian atau mengagak - _____ (1 markah)

(ii) dengan suara yang kuat dan nyaring - _____ (1 markah)